



Anwar bersalaman dengan Lawrence pada sidang media bersama selepas sesi Pemukiman Pemimpin Tahunan Ke-12, di Singapura, semalam.

(Foto BERNAMA)

Perbincangan FIR Malaysia - Singapura capai persefahaman

Kedua-dua pihak setuju sebarang pengaturan mesti pastikan aliran trafik udara selamat, efisien

Singapura: Malaysia, dan Singapura mencapai persefahaman penting dalam perbincangan berterusan mengenai Kawasan Maklumat Penerbangan (FIR), dengan kedua-dua pihak bersetuju bahawa sebarang pengaturan pada masa depan mesti memastikan pergerakan trafik udara berjalan lancar tanpa halangan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Malaysia mengiktiraf keperluan Singapura untuk aliran trafik udara yang selamat dan efisien ke Lapangan Terbang Changi dan Seletar, manakala Malaysia juga memerlukan pergerakan penerbangan bebas ke Sabah dan Sarawak.

"Kita mengakui keperluan untuk menerima hakikat bahawa kita memerlukan aliran (selamat dan efisien) ke Changi dan Seletar, sama seperti kita memerlukan aliran yang efisien ke timur ke Sabah dan Sarawak.

"Apa juga susunannya, ia tidak seharusnya menjejaskan perge-

rakan bebas trafik udara. Jika kita bersetuju dengan prinsip itu, saya fikir kita boleh bergerak ke hadapan dengan lebih pasti," katanya pada sidang akhbar bersama Perdana Menteri Singapura, Lawrence Wong selepas sesi Pemukiman Pemimpin Tahunan Ke-12, semalam.

Usaha selesai isu tertangguh

Anwar berkata, pembabitan berterusan di peringkat kepimpinan dan kementerian membawa kemajuan nyata dalam usaha menyelesaikan isu yang tertangguh sekian lama, sambil menambah bahawa perbincangan berterusan ini amat penting dalam membawa kedua-dua negara lebih hampir kepada penyelesaian muktamad beberapa isu yang masih belum diselesaikan.

Mengenai isu sempadan maritim, Anwar berkata, Malaysia dan Singapura perlu berusaha ke arah penyelesaian secara baik, sambil menegaskan bahawa kedua-dua negara harus terus mencapai kemajuan.

Beliau berkata, pendirian itu disampaikan dengan jelas kepada rakan sejawatnya dari Singapura serta kepada anggota Kabinet Malaysia dan pegawai yang terbabit dalam perbincangan berkenaan, sambil menyatakan bahawa kedua-dua negara secara umumnya selaras dalam isu serantau dan perdagangan yang lebih luas.

"Saya akui, ia lebih kompleks, tetapi jika terdapat komitmen je-

las untuk cuba menyelesaikannya, saya yakin kita boleh mencapai kemajuan.

"Dan selain hanya mengiktiraf bahawa ia satu masalah - masalah kompleks - pendirian saya jelas. Saya telah memberitahu Perdana Menteri. Lawrence, rakan-rakan saya dalam Kabinet dan pegawai bahawa kita mesti berusaha ke arah penyelesaian secara baik.

"Walaupun tidak sepenuhnya, sekurang-kurangnya ada kemajuan," katanya sambil menambah bahawa kerumitan isu itu tidak seharusnya menghalang kedua-dua pihak daripada bergerak ke hadapan secara konstruktif.

Beliau menegaskan bahawa Malaysia berharap hubungan unik dengan Singapura terus diperkukuh, bukan sahaja dalam hubungan diplomatik tetapi juga dalam bidang ekonomi, perdagangan, kebudayaan dan pendidikan.

Anwar diiringi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof; Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pengangkutan, Anthony Loke; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan semasa lawatan kerja sehari itu.

Premier Sarawak Tan Sri Abang Johari Tun Openg dan Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi turut menyertai delegasi rasmi berkenaan.

BERNAMA